

# KONSEP DAN BENTUK *QARĀ'IN AL-TARJĪH* DALAM PENSABITAN *SAMĀ'*: KAJIAN TERHADAP MUQARRAR AL-TAKHRĪJ KARYA ḤĀTIM AL- ‘AWNĪ

*The Concept Of Qarā'in Al-Tarjīh In Authenticating  
Samā': A Study On Muqarrar Al-Takhrij By Ḥātim Al-  
‘Awnī*

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi\*

Norazam Khair Mohd Ithnin\*\*

Muhammad Taufiq Amat Famsir @ Amat Tamsir\*\*\*

Danial Hazim Ayub\*\*\*\*

## ABSTRACT

*Disputes regarding the classification of hadiths in the discourse of hadith criticism arise due to doctrinal differences among hadith scholars. One polemic center on qarā'in al-tarjīh, particularly in the context of evaluating a narrator's reliability in auditory transmission (samā'). The Introduction of the Iḥyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM) emerges as a new school of thought in this discourse, with Ḥātim al-‘Awnī being a prominent figure discussing qarā'in al-*

---

\* PhD Candidate, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [dzuldzulraidi@gmail.com](mailto:dzuldzulraidi@gmail.com).

\*\* PhD Candidate, SLAB/SLAI Fellow, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [norazamithnin@um.edu.my](mailto:norazamithnin@um.edu.my).

\*\*\* Graduate Student, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [taufiqtamsir@gmail.com](mailto:taufiqtamsir@gmail.com).

\*\*\*\* Graduate Student, Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [dnlhzim@gmail.com](mailto:dnlhzim@gmail.com).

*tarjīḥ in the context of narrators' audition. This study aims to analyze the aspects of qarā'in al-tarjīḥ in the authentication of narrations through audition as presented by Hātim al-'Awnī in his work, "Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth." The methodology employed is a qualitative approach based on documentary analysis for data collection and content analysis as the method of data analysis. Findings: Hātim al-'Awnī formulates five principles in evaluating the reliability of auditory transmission within a chain of narrators and emphasizes the importance of qarā'in al-tarjīḥ in the fifth principle. The results reveal that Hātim al-'Awnī introduces six forms of qarā'in al-tarjīḥ in the authentication of narrations through audition, providing valuable guidance for hadith researchers in determining the continuity or discontinuity of a chain of narration. The justification for this study suggests further research to identify qarā'in al-tarjīḥ methods employed by scholars from other doctrinal schools. Additionally, an examination of the practical application of qarā'in al-tarjīḥ among early scholars, especially critics from the Mutaqaddimīn scholars, could shed light on the feasibility of this discourse during the period of active hadith transmission.*

**Keywords:** *Qarā'in al-Tarjīḥ; Authenticating Samā'; Hātim al-'Awnī; Discourse of Hadith Criticism; Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn (IMM)*

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

Perselisihan dalam penentuan status hadith telah lama mewarnai wacana perbahasan kritik hadith. Menurut Fārūq Ḥamādah dan Maḥmūd Sa’id Mamdūh terdapat dua aliran yang tampil mengeluarkan metodologi tersendiri dalam isu kritik hadith iaitu aliran Sufi dan Salafi.<sup>1</sup> Umar Muhammad Noor kemudiannya menambah satu aliran lain dalam wacana ini iaitu aliran *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM) yang melihat secara kritis metode kritik kedua-dua aliran, seterusnya berusaha untuk menghidupkan kembali manhaj kritik hadith terdahulu.<sup>2</sup> Keunikan setiap aliran yang mempunyai perbezaan daripada sudut metodologi dan analisis terhadap kritik hadith telah menatijahkan polemik dalam menafsirkan dan menentukan status hadith.

Umar Muhammad Noor juga menyatakan bahawa antara polemik yang menjadi wadah perdebatan antara aliran-aliran kritik hadith ini adalah sudut pensabitan *samā'* (salah satu kaedah penerimaan hadith) seseorang perawi. Ketiga-tiga aliran bersepakat bahawa bukti *samā'* adalah penentu kepada kebersambungan sanad. Walau bagaimanapun, perselisihan berlaku antara aliran-aliran hadith ini dalam menentukan pensabitan *samā'* atau penafiannya berdasarkan kefahaman mereka terhadap pandangan ulama kritik hadith terdahulu.<sup>3</sup> Mereka berbeza pandangan apabila berlaku situasi seseorang pakar hadith menetapkan bahawa seorang perawi tidak pernah menerima atau mendengar hadith daripada perawi lain, walhal pakar hadith lain menyatakan sebaliknya. Hal ini disebabkan mereka menggunakan *qarā' in al-tarjīh* yang berbeza dalam memilih pandangan-pandangan tersebut.

---

<sup>1</sup> Fārūq Ḥamādah. *Taṭawwur Dirāsāt Al-Sunnah Al-Nabawiyyah: Nahdatuhā Al-Mu'āṣirah Wa Āfāquha, Madkhal Li Dirāsāt Al-Sunnah Al-Nabawiyyah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2007), 215. Lihat juga Maḥmūd Sa’id Mamdūh. *Al-Ittijāhāt Al-Hadīthiyah Fi Al-Qarn Al-Rābī' ‘Ashar*. (Kaherah: Dār al-Baṣā'ir, 2009), 43-47.

<sup>2</sup> Umar Muhammad Noor. *Aliran Kritik Hadis Semasa*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022), 74-79.

<sup>3</sup> *Ibid*, 200.

Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti perihal konsep *qarā'in al-tarjīh* dalam pensabitan *samā'* oleh seorang daripada ilmuwan hadith kontemporari aliran IMM yang bergerak aktif dalam menyuarakan pembaharuan dalam ilmu hadith iaitu Ḥātim al-'Awnī.<sup>4</sup> Justifikasinya, beliau telah membincangkan mengenai konsep *qarā'in al-tarjīh* dalam salah satu daripada karya-karya beliau iaitu *Muqarrar al-Takhrij wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth*.

### **Nama, Kelahiran dan Kembara Ilmu Ḥātim al-'Awnī**

Beliau ialah Ḥātim bin 'Ārif bin Nāṣir al-'Awnī. Beliau dinisbahkan dalam kalangan *al-Hasaniyyīn*, iaitu daripada jalur keturunan al-Ḥasan bin 'Alī bin Abī Tālib RA. Beliau telah dilahirkan pada 19 Rejab 1385 Hijrah bersamaan 1966 Masihi di Ṭā'if dan dibesarkan di sana. Ḥātim al-'Awnī telah mendapat pendidikan sekolah secara rasmi di sekolah-sekolah kerajaan bermula dari peringkat rendah sehingga ke peringkat menengah. Setelah itu, pada tahun 1404 Hijrah, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Umm al-Qurā', Mekah. Di universiti ini, beliau memilih Kuliah Uṣūl al-Dīn dengan pengkhususan di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah. Akhirnya, beliau berjaya memegang Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1408 Hijrah. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian dalam peringkat Sarjana serta Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama di kuliah tersebut, seterusnya berhasil mendapatkaninya pada tahun 1415 Hijrah dan 1421 Hijrah. Kini, beliau menjawat sebagai Professor di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah di Universiti Umm al-Qurā', Arab Saudi.<sup>5</sup>

Ḩātim al-'Awnī mula menumpukan perhatian yang lebih khusus dalam pembelajaran dan penyelidikan bermula pada 1404 Hijrah sehingga 1414 Hijrah. Beliau menghabiskan masanya dalam tempoh tersebut dengan menyibukkan diri membaca, mengumpul, membuat penyelidikan dan menghadiri kelas-kelas pengajian dengan tekun. Beliau juga tidak banyak bergaul bersama rakan-rakan pada tempoh ini kerana

---

<sup>4</sup> *Ibid*, 80-81

<sup>5</sup> M. Khoirul Huda, and Muhammad Reza Fadil. "Rasionalisasi Kritik Hadis Klasik: Kontribusi Syarif Ḥātim Al-'Aunī Dalam Kajian Hadis Kontemporer." *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis* 6, no. 1 (2023): 119-44. <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/bukhari/article/view/6175>, 122-123.

lebih suka bersendirian dengan ilmu. Hal ini berlanjutan sehingga tahun 1414 Hijrah apabila beliau mula membuka kelas-kelas pengajian bersama sebahagian penuntut ilmu dalam tempoh masa yang terhad. Akhirnya pada tahun 1418 Hijrah, beliau mula membuka kelas-kelas pengajian bersama pelajar yang ingin menuntut ilmu dengannya, namun masih menyediakan ruang dan masa kepada dirinya sendiri untuk menuntut ilmu.<sup>6</sup>

Beliau telah memperoleh ijazah periwatan hadith daripada sejumlah ilmuan. Beliau telah berguru dan mendapatkan sanad daripada para guru beliau yang mencecah sehingga 40 orang, antaranya Ibrāhīm bin Muḥammad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, Al-Ḥasan bin Muḥammad bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Qādir al-Anbārī al-Zabīdī, Idrīs bin Muḥammad bin Ja‘far al-Kattānī, ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt dan ramai lagi.<sup>7</sup> Beliau juga telah mentahkik dan menulis puluhan kitab dalam berbagai genre khususnya dalam bidang hadith. Antara karangan beliau *Sharḥ al-Mūqizah al-Dhahabī*, *Khulāṣah al-Taṣīl li ‘Ilm al-Jarh wa al-Ta’dīl*, *Naṣā’ih Manhajīyyah li Ṭālib al-Sunnah al-Nabawīyyah*, *Al-Yaqīnī wa al-Ẓannī min al-Akhbār*, *Sharḥ al-Hadīth al-Nabawi Dirāsah fi Tārīkh al-‘Ilm, al-Usus al-‘Aqliyyah li Manhaj Naqd al-Muḥaddithīn*, *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth* dan banyak lagi.<sup>8</sup>

### **Karya Ḥātim al-‘Awnī: *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth***

Kitab *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth* ini pada asalnya merupakan nota dan catatan daripada *dawrah* ilmiah berkenaan ilmu *takhrīj al-hadīth* dan kajian sanad oleh Ḥātim al-Awnī pada tahun

<sup>6</sup> *Ibid*, diakses 27 November 2023

<sup>7</sup> “Asma’ Ba’ḍ Man Ajāzanī Min Al-Shuyūkh Murattabīn ‘Alā Ḥurūf Al-Mu’jam.” diakses 27 November 2023, [https://archive.org/details/amrabdelaziz1184\\_gmail\\_201812/page/n7/mode/1up](https://archive.org/details/amrabdelaziz1184_gmail_201812/page/n7/mode/1up)

<sup>8</sup> “Kutub Al-Shaykh.” Mawqi’ al-Shaykh I. D. al-Sharīf Ḥātim bin ‘Ārif al-Awnī, diakses pada 26 November 2023, <https://www.dr-alawni.com/books.php>. Lihat juga: M. Khoirul Huda, and Muhammad Reza Fadil. "Rasionalisasi Kritik Hadis Klasik: Kontribusi Syarif Ḥātim Al-‘Aunī Dalam Kajian Hadis Kontemporer." *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis* 6, no. 1 (2023): 119-44. <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/bukhari/article/view/6175,123-126>.

1419 Hijrah. Pengajian tersebut telah dirakamkan kemudian disalin semula oleh salah seorang anak muridnya iaitu Wā'il bin Sultān al-Ḥārithī. Setelah itu, Khālid bin Khalaf al-Jūdī telah mengusahakan nota-nota tersebut untuk dicetak dan disebarluaskan dengan lebih meluas. Maka, nota-nota tersebut telah tersebar dengan meluas sehingga menjadi silibus di beberapa institusi.<sup>9</sup>

Nota-nota tersebut telah diguna pakai dan diambil faedah berdekad lamanya. Dalam tempoh itu juga, masih tidak ada sebarang pembetulan, penambahan dan pengurangan sehingga pada tahun 1438 Hijrah, beliau telah meneliti semula, membuat penambahan pada maklumat-maklumat yang terbaharu dan terkini, melakukan beberapa pembetulan, melengkapkan kembali apa yang terlepas dalam *dawrah* ilmiah ketika itu, dan memasukkan banyak contoh kitab hadith dan kitab berkenaan perawi hadith bagi memperkenalkan kepada pembaca. Beliau telah mengusahakan edisi yang terbaharu ini untuk merangkumi isi-isi penting dalam pengenalan kepada aspek-aspek penulisan dan pembelajaran hadith.<sup>10</sup>

Kitab ini terbahagi kepada dua bahagian yang besar iaitu bahagian pertama terdiri daripada kajian *takhrīj al-hadīth*; membincangkan berkenaan definisi *takhrīj*, pembahagiannya serta kaedah-kaedah dan panduan untuk mentakhrīj sesebuah hadith daripada sumber asal. Bahagian kedua pula berbentuk kajian berkenaan *dirāsah al-āsānīd wa al-mutūn*; membincangkan berkenaan praktikaliti dan langkah-langkah untuk menentukan status sesuatu hadith. Menerusi karya ini, beliau tidak berpada dengan mendatangkan teori semata-mata tetapi beliau juga turut meletakkan contoh-contoh secara praktikal berkenaan cara mentakhrīj sesuatu hadith sehingga meletakkan sesuatu hukum ke atas hadith.

---

<sup>9</sup> Ḥātim al-Awnī. *Muqarrar Al-Takhrīj Wa Manhaj Al-Hukm ‘Alā Al-Hadīth* (Beirut: Markaz Namā’ li al-Buhūth wa al-Dirāsāt, 2018), 9.

<sup>10</sup> *Ibid*, 9-10.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berdasarkan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam<sup>11</sup> seperti mengkaji berkenaan konsep *qarā 'in al-tarjīh* dalam pensabitan *samā'* atau penafiannya terhadap seseorang perawi.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā 'in al-tarjīh* dan praktikalitinya terhadap pensabitan *samā'* di antara perawi-perawi hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā 'in al-tarjīh* dalam pensabitan *samā'* yang diperkenalkan oleh Hātim al-'Awnī dalam karyanya *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā 'in al-tarjīh* oleh para ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar pensabitan *samā'* juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan konsep *qarā 'in al-tarjīh* terhadap pensabitan *samā'* melalui analisis yang dilakukan terhadap karya Hātim al-'Awnī iaitu *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth*.

---

<sup>11</sup> Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 76.

## KONSEP *SAMĀ'* PERAWI

*Samā'* secara semantik menurut Ahmād Mukhtār ‘Umar merupakan *maṣdar* kepada kalimah *sami‘a* (سَمِعَ) yang membawa maksud mendengar dan pendengaran<sup>12</sup>. Dari segi terminologi istilah pula, *samā'* merupakan satu daripada bentuk *taḥammul al-hadīth*, iaitu kaedah pengambilan dan penerimaan hadith daripada seorang guru dengan menggunakan cara atau metode yang tertentu<sup>13</sup>. *Samā'* menurut al-Suyūtī dalam *Tadrīb al-Rāwī* ialah proses seseorang guru akan menyampaikan hadith kepada murid-muridnya sama ada melalui hafalan atau pembacaan daripada kitabnya<sup>14</sup>. Manakala murid pula akan mendengar dan merekodkan hadith-hadith yang mereka dengar ke dalam catatan masing-masing, atau hanya sekadar mendengar hadith yang disampaikan oleh guru mereka<sup>15</sup>. Rajah di bawah menunjukkan bentuk-bentuk *taḥammul al-Hadīth* serta contoh lafaz penggunaannya dalam sanad.

---

<sup>12</sup> Ahmād Mukhtār ‘Umar. *Mu’jam Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’āṣirah* (Kaherah: ‘Ālam al-Kutub, 2008), 2:1109

<sup>13</sup> Abd Aziz, and D. P. Terza Travelancya. "Tahammul Wa Al-Adā' Dalam Periwayatan Hadīth." *BAHTSUNA: Jurnal Penelitian Pendidikan Islam* 3, no. 2 (09/09 2021): 185-99. <https://doi.org/10.55210/bahtsuna.v3i2.64>.

<https://lp3mzh.id/index.php/bahtsuna/article/view/64>, 187

<sup>14</sup> Al-Suyūtī. *Tadrīb Al-Rāwī Fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawāwī*. ed. Muḥammad ‘Awwāmah (Jeddah: Dār Al-Minhāj, 2016), 4: 212.

<sup>15</sup> Mahmūd al-Talhān, Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth (al-Riyādd: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī, 2010), 196.

Gambar Rajah 1: Bentuk *Tahammul al-Hadīth*<sup>16</sup>



Kebanyakan ilmuan hadith seperti al-Qādī ‘Iyād, al-‘Irāqī, al-Sakhāwī, Ibn al-Ṣalāḥ dan lain-lain mengatakan bahawa kaedah *samā'* merupakan martabat yang tertinggi dalam *taḥammul al-hadīth*<sup>17</sup>. Al-Nawāwī mengatakan bahawa pendapat yang mengatakan *samā'* adalah

<sup>16</sup> Dzul Dzulraidihi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* (Terengganu: Paddi Resources, 2023), 78-79.

<sup>17</sup> Al-Qādī ‘Iyād. *Al-Ilmā’ Ilā Ma’rifah Uṣūl Al-Riwāyah Wa Taqyīd Al-Samā’*. ed. Al-Sayyid Ahmad Saqr. (Kaherah: Dār al-Turāth, 1970), 69. Al-‘Irāqī. *Alfiyah Al-‘Irāqī Al-Tabṣirah Wa Al-Tadhkirah Fī ‘Ulūm Al-Hadīth* Ed. ‘Abd al-Karīm al-Khuḍayr. (al-Riyād: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2007), 125. Al-Sakhāwī. *Fath Al-Mughīth Bi Sharḥ Alfiyah Al-Hadīth*, ed. ‘Alī Husayn ‘Alī. (Mesir: Maktabah Al-Sunnah, 2003), 2:157, Ibn al-Ṣalāḥ. *Muqaddimah Ibn Al-Ṣalāḥ – Ma’rifah Anwā’ ‘Ulūm Al-Hadīth*, ed. Nūr al-Dīn ‘Itr. (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1986), 132.

martabat tertinggi dalam *tahammul al-hadīth* adalah pendapat yang sahih dan merupakan pendapat jumhur ulama.<sup>18</sup> Manakala Ibn Ḥajar mengemukakan pendapat bahawa *samā'* itu menjadi martabat tertinggi sekiranya kedua-dua perawi tersebut berada dalam keadaan setara daripada segi keilmuan, atau salah satu itu lebih berilmu berbanding yang lain. Hal ini disebabkan anak murid yang berilmu akan lebih peka dengan hadith yang didengarkannya.<sup>19</sup> Al-Sakhawī dalam *Fath al-Mughīth* mengulas bahawa kaedah *samā'* ini telah lama berlaku iaitu sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW. Baginda akan menyampaikan wahyu; Al-Quran dan hadith secara lisan kepada para sahabat, manakala para sahabat akan mendengar dan mengikutinya. Begitu juga sekiranya timbul persoalan dan kemosykilan maka para sahabat akan bertanyakan kepada baginda bagi menyelesaikan kemosykilan itu<sup>20</sup>.

Seterusnya, ilmuan hadith telah membahaskan berkenaan bentuk *samā'* perawi itu diaplikasikan oleh para perawi hadith serta membuat penilaian berkenaan setiap bentuk *samā'* tersebut. Al-Khaṭīb al-Baghdādī telah membuat pengklasifikasian tingkatan lafaz *samā'* perawi. Bentuk *samā'* yang tertinggi ialah lafaz سمعت, kemudian setelahnya lafaz حدثنا dan أخْبَرَنَا. Berikutnya ialah lafaz yang paling banyak digunakan oleh para perawi hadith. Akhirnya lafaz terakhir ialah أَنْبَأْنَا dan نَبَأْنَا iaitu lafaz yang sedikit penggunaannya<sup>21</sup>. Ibn al-Ṣalāḥ pula menyatakan bahawa lafaz حدثنا و أخْبَرَنَا lebih tinggi kedudukannya berbanding lafaz سمعت daripada suatu sudut yang lain kerana tidak semestinya lafaz tersebut menunjukkan kepada seorang

<sup>18</sup> Al-Nawāwī. *Al-Taqrīb Wa Al-Taysīr* Ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht. (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985), 54.


<sup>19</sup> Al-Suyūtī. *Tadrīb Al-Rāwī Fi Sharḥ Taqrīb Al-Nawāwī*. ed. Muḥammad ‘Awwāmah. 4: 233.

<sup>20</sup> Al-Sakhawī. *Fath Al-Mughīth Bi Sharḥ Alfiyah Al-Hadīth*, ed. ‘Alī Husayn ‘Alī. (Mesir: Maktabah Al-Sunnah, 2003), 2:157.

<sup>21</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī. *Al-Kifāyah Fi ‘Ilm Al-Riwāyah*. (Madinah: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1979), 284. Lihat juga: Al-Nawāwī. *Al-Taqrīb Wa Al-Taysīr*, ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht. (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985), 54.

perawi itu mendengar terus daripada gurunya. Manakala lafaz أخْرِنَا dan حدثنا menunjukkan kepada wujudnya pendengaran khabar daripada gurunya<sup>22</sup>. Kemudian datang pula al-Zarkashī dan al-Qastalānī memberikan komentar dengan menyatakan pada perbahasan ini perlu kepada penelitian lanjut, iaitu lafaz أخْرِنَا menjadi tinggi martabatnya daripada سمعت jika guru tersebut menyampaikan hadith secara umum seperti penyampaian melalui majlis am atau dihadiri orang ramai. Namun, sekiranya khabar itu disampaikan secara khusus seperti penyampaian guru kepada seorang perawi sahaja, maka lafaz سمعت lebih tinggi martabatnya.<sup>23</sup>

Gambar Rajah 2: Tingkatan Lafaz *Samā'* Perawi<sup>24</sup>



Dalam perbahasan *samā'*, penting untuk diketahui kebersambungan *samā'* seseorang perawi itu kepada gurunya. Dalam perkara ini, ilmuan hadith seperti Ibrāhīm bin ‘Abd Allāh al-Lāhīm telah menggariskan tiga kaedah untuk mengetahui kebersambungan tersebut. Kaedah yang pertama ialah merujuk kepada buku-buku yang menghimpunkan biodata perawi beserta maklumat tentang guru dan anak muridnya seperti *Tahdhīb al-Kamāl* oleh al-Mizzī dan *Tahdhīb al-*


<sup>22</sup> Ibn al-Šalāḥ. *Muqaddimah Ibn Al-Šalāḥ – Ma’rifah Anwā’ Ulūm Al-Hadīth*, ed. Nūr al-Dīn ‘Itr. (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1986), 135

<sup>23</sup> Al-Suyūtī. *Tadrīb Al-Rāwī Fi Sharḥ Taqrīb Al-Nawāwī*. ed. Muḥammad ‘Awwāmah. 4: 221.

<sup>24</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī. *Al-Kifāyah Fi ‘Ilm Al-Riwayah*., 284.

*Tahdhīb* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Seseorang perawi itu dikira bersambung sanad jika ditemukan namanya dalam senarai anak murid kepada gurunya<sup>25</sup>. Kaedah kedua ialah merujuk kepada kata-kata ilmuan yang berkepakanan dalam kritik hadith. Ilmuan kritik hadith ini ada membahaskan berkenaan pensabitan *samā'* sama ada mereka mensabitkan atau menafikan *samā'* tersebut. Perbahasan ini boleh ditemui dalam buku-buku *'Ilal al-Hadīth*, *Al-Su'ālāt*, *Tawārīkh al-Rijāl* dan lain-lain.<sup>26</sup> Kaedah ketiga pula ialah melihat kepada dalil-dalil yang ada berkenaan pensabitan *samā'* seseorang perawi. Hal ini merupakan suatu perbahasan yang memerlukan kepada bukti, dalil dan *qarā'in* mensabitkan *samā'* kepada seseorang perawi.<sup>27</sup>

Gambar Rajah 3: Kaedah Mengetahui *Samā'* Perawi<sup>28</sup>



## KONSEP *QARĀ'IN AL-TARJĪH* DALAM PENSABITAN *SAMĀ'* Definisi *Qarā'in al-Tarjīh*

*Qarā'in al-tarjīh* terdiri daripada dua frasa Bahasa Arab iaitu *qarā'in* dan *tarjīh*. *Qarā'in* merupakan kalimah *jama'* manakala *mufradnya* ialah *qarīnah*.<sup>29</sup> Kalimah ini berasal daripada kata kerja *qarana* yang memberi pengertian menghimpunkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan

<sup>25</sup> Ibrāhīm ‘Abd Allāh al-Lāhim. *Al-Ittiṣāl Wa Al-Inqīṭā'* (al-Riyād: Maktabah al-Rushd, 2005), 51.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 59.

<sup>27</sup> *Ibid.*, 75.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> “Qarā'in” Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

kekerasan.<sup>30</sup> Begitu juga *qarana* bermaksud kebersamaan antara dua perkara.<sup>31</sup>

Manakala daripada sudut istilah pula, Sāmir al-Kabīsī berpandangan tiada definisi yang jelas dikeluarkan oleh ahli hadith terdahulu kecuali mereka menggunakan sepertinya keenam yang ada pada seseorang individu.<sup>32</sup> Mustafa al-Zarqā' mendefinisikannya sebagai sesuatu petunjuk yang mengarah kepada objektif atau hasil yang dikehendaki.<sup>33</sup> Ahmad Ma'bād mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung.<sup>34</sup> Di samping itu, Ayyub al-Husainī (m. 1094H) mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan.<sup>35</sup> Oleh yang demikian, dapat disimpulkan *qarīnah* secara istilah bermaksud sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi-definisi *Qarā' in*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Mustafa al-Zarqā'	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif.
2.	Ahmad Ma'bād	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
Kesimpulan	<b>Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian</b>	

<sup>30</sup> Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*. ed. Abdul Salam Harun, (Kaherah: Dār al-Fikr, 1979), Vol. 5, 75.

<sup>31</sup> Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyyah*. ed. Ahmad Abd al-Ghafur. (Beirut: Dār al-'Ilm, 1987), Vol. 1, 252.

<sup>32</sup> Sāmir al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjih Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

<sup>33</sup> Hanān Qamāri. "Ta'ārud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'iḥah 'Inda Al-Imām Ibn Abi Ḥātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016, 42.

<sup>34</sup> Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I'lālihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

<sup>35</sup> Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. ed. 'Adnān Darwisy. (Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009) 734.

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran surah Yūsuf:

وَجَاءُو عَلَىٰ قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ ۚ قَالَ، بَلْ سَوَّلْتُ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ  
أَمْرًا فَصَبَرْتُ حَمِيلًا ۖ وَاللَّهُ أَلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصْفُونَ

Terjemahan: *Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu.*<sup>36</sup>

Al-Qurtubī (m. 671H) menceritakan ketika adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menjadikan darah sebagai satu petunjuk untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT membalaunya dengan menzahirkan petunjuk bahawa tidak terdapat sebarang kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Maka ketika Nabi Ya‘qūb AS melihat situasi tersebut Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-beradik Nabi Yūsuf AS.<sup>37</sup> Hal ini menunjukkan penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak sekian lama.

Abdullah Muhammad Hasan mengatakan para ilmuwan Islam bersepakat mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam dan hadith secara umumnya walaupun berbeza pada sebahagian aplikasi dan pembahagiannya.<sup>38</sup> Namun perbincangan bagi kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata.

<sup>36</sup> Surah Yūsuf, 18.

<sup>37</sup> Al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*. ed. Abdullah bin Abd Muhsin. (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006) Vol. 9, 149.

<sup>38</sup> Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi ‘Ilmi Al-Hadīth*. (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, 2013) 24.

Abd Qādir Muhammad merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith ialah tanda yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat.<sup>39</sup> Menurut Ḥātim al-Awnī terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. Oleh kerana *dalīl* merupakan bukti konkret, justeru untuk mensabitkan sesuatu mencukupi hanya dengan satu *dalīl*. Manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu untuk mensabitkan sesuatu perkara.<sup>40</sup> Hal ini dapat diilustrasikan seumpama kes pembunuhan. *Dalīl* boleh diumpamakan seperti pengakuan suspek manakala *qarīnah* seperti terdapat motif pembunuhan. Oleh itu, mencukupi pengakuan suspek untuk disabitkan kesalahan membunuh, walhal tidak mencukupi semata-mata terdapat motif pembunuhan, bahkan perlu disokong oleh *qarīnah* yang lain. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Perbezaan *Qarīnah* dan *Dalīl*

<i>Qarīnah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat.	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak ‘illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat.
Contoh: Periwayatan secara bersendirian merupakan <b>petunjuk</b> kewujudan ‘illah sesebuah hadith.	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan <b>bukti</b> ‘illah sesebuah hadith.

Naurah Didān berpandangan *qarīnah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu *qarā' in al-tarjīh* dan *qarā' in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya.<sup>41</sup> Meskipun begitu, Hanān Qamari menambah dua pecahan lain iaitu *qarā' in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-

<sup>39</sup> Sāmir al-Kabīsī. "Athar Al-Qarā'in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).106.

<sup>40</sup> Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth*. (Beirut: Markaz Namā' li al-Buhūth wa al-Dirāsāt, 2018), 212.

<sup>41</sup> Naurah Didān. "Qarā'in Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātīhi Min Al-Isnād Min Khilāli Kitābihi Tahztib Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim, 832.

dua riwayat dan *qarā'in daf'* al-'illah memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat 'illah yang terdapat pada kedua-dua riwayat<sup>42</sup>. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 3: Pembahagian Qarāin

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat

'Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in al-tarjīh* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapatkan ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*.<sup>43</sup>

### Peranan *Qarā'in al-Tarjīh*

*Qarā'in al-tarjīh* daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbahasan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith.<sup>44</sup>

<sup>42</sup> Hanān Qamārī. "Ta'ārud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016, 45.

<sup>43</sup> 'Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh Riyadh*. (Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004) 55.

<sup>44</sup> Hanān Qamārī. "Ta'ārud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016, 45.

Antara perbahasan *qarā' in al-tarjīh* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarh wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau puji.<sup>45</sup>

Selain itu, *qarā' in al-tarjīh* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan, bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*.<sup>46</sup> Justeru itu, *qarā' in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima.<sup>47</sup>

Begitu juga *qarā' in al-tarjīh* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi ‘Atiyyah isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā' in al-tarjīh*<sup>48</sup>.

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin ‘Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat, manakala Muslim bin Hajjāj meriwayatkan dalam sahīh beliau hadith Abān daripada ayahnya.<sup>49</sup> Situasi lain, *samā'* Ibrāhīm bin Abd Rahman bin ‘Auf daripada ‘Umar. Al-Bayhaqī menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku, sedangkan Ya‘qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya.<sup>50</sup>

<sup>45</sup> Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'āridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." (Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021), 6.

<sup>46</sup> Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi*, 64.

<sup>47</sup> Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth*, 210.

<sup>48</sup> Majdi ‘Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*. (Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005), 4.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 6.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 7.

Justeru menurut Ḥātim al-‘Awnī *qarā’in al-tarjīh* digunakan sebagai salah satu metode untuk menyelesaikan masalah ini sekaligus memilih salah satu pandangan yang dikemukakan.<sup>51</sup> Namun persoalannya, apakah contoh *qarā’in al-tarjīh* yang digunakan beliau dalam perbincangan ini?

## ***QARĀ’IN AL-TARJĪH DALAM PENSABITAN SAMĀ’ MENURUT ḤĀTIM AL-‘AWNĪ***

Pensabitan *samā’* telah dihuraikan secara terperinci oleh Ḥātim al-‘Awnī dalam kitab *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth*. Beliau memasukkan perbahasan ini sebagai subtopik kepada perbincangan metodologi untuk mengetahui tarikh lahir dan tarikh wafat bagi seseorang perawi. Setelah itu, beliau berganjak kepada perbincangan berkenaan *al-saqt al-khaṭī* iaitu keadaan seorang perawi meriwayatkan sesebuah hadith yang tidak didengarinya dengan menggunakan lafaz yang seolah membayangkan dia mendengarnya secara langsung.

Definisi tersebut merupakan gambaran kepada perbincangan *al-tadlīs* di bawah skop *tadlīs al-isnād*. *Al-saqt al-khaṭī* akan ternafi dengan beberapa perkara. Perkara pertama ialah *taṣrīh bi al-samā’* (klarifikasi terhadap pendengaran hadith) iaitu keadaan perawi meriwayatkan ḥadīth daripada gurunya bermula daripada awal sanad hingga ke akhirnya yang mana merupakan *taṣrīh* yang *ṣaḥīḥ* dan tidak berlaku *wahm* (kekeliruan), *taṣhīf* (perubahan) dan *muta’awwal* (yang ditakwilkan).

Kedua, sekiranya periyatan tersebut secara *al-‘an ‘anah* mestilah yang terdapat dalam kitab-kitab yang penulisnya mensyaratkan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sahaja dimasukkan dalam penulisannya semisal *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, *Ibn Hibbān* dan *Mustadrak al-Ḥākim* sekalipun kitab *al-Mustadrak* ini merupakan kitab yang berada di martabat terendah dalam memberikan petunjuk kepada kebersambungan sanad atau *al-ittīṣāl* dan penekanan keṣaḥīhan riwayat. Akan tetapi, kitab *al-Mustadrak* terkadang menjadi dalil ketika mana berlakunya khilaf di antara *aqrān* al-Bukhārī dan Muslim yang mana

---

<sup>51</sup> Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth*, 212.

berperanan sebagai pentarjihan dalam menyatakan kebersambungan sanad tersebut.

Ketiga, jika perawi tidak jelas dalam pentaṣrīhannya tetapi menggunakan bentuk *tahammul al-samā'* semisal “ع” atau “قال”， maka dapat diperkirakan sanad masih bersambung dengan dua syarat iaitu tidak terdapat *nakārah* yang mendatangkan keraguan pada *ittisāl al-sanad* dan mestilah tercapai salah satu daripada beberapa keadaan seperti berikut:

- i. Perawi tersebut pada asalnya bukan *mudallis*.
- ii. Sekira berlakunya *tadlīs*, maka mestilah tidak mencapai had *tagħlib al-żan* atau sangkaan kuat kepada ketidakbersambungan sanad.
- iii. Sekiranya perawi tersebut melakukan banyak *tadlīs* daripada gurunya sehingga mencapai had yang mana seandainya tanpa sebarang bukti *taṣrīh bi al-samā'* maka tidak memberikan faedah sangkaan kuat terhadap *ittisāl al-sanad*.
- iv. Sekira kebanyakannya *tadlīs* tersebut merupakan riwayat perawi yang hidup sezaman dengannya dan tidak mendengar daripadanya, maka dalam keadaan ini memadai dengan *taṣrīh* sekali sahaja pada satu ḥadīth daripada shaykh tersebut.

Terdapat beberapa kitab yang khusus sebagai kompilasi terhadap kalam para ulama kritik hadith yang menafikan *samā'* di antara para perawi yang hidup sezaman mahupun yang sebaliknya. Semisal kitab *al-Marāsīl* oleh Ibn Abī Ḥatim al-Rāzī, *Jāmi' al-Taḥṣīl fī Aḥkām al-Marāsīl* oleh al-'Alā'ī, *Tuhfah al-Taḥṣīl fī Ruwāḥ al-Marāsīl* oleh Walī al-Dīn Abū Zur'ah al-'Irāqī, *al-Mursal al-Khaft wa 'Alāqatuhu bi al-Tadlīs* oleh Ḥātim al-‘Awnī, *al-Tābi 'ūn al-Thiqāt al-Mutakallam fī Samā'i him min al-Sahābah* oleh Mubārak al-Hajīrī, *al-Iklīl fī mā Zāda 'alā Kutub al-Marāsīl* dan *al-Ilmā' fī Ithbāt al-Samā'* oleh Majuddī 'Atiyyah Hammūdah al-Samannūdī.

## Metodologi Pensabitan *Samā'*:

Menurut Ḥatim al-‘Awnī, apabila terjadi perbezaan pandangan antara ilmuwan hadith silam berkaitan *samā'* seseorang perawi maka kajian lanjut perlu dijalankan dengan melakukan penelitian terhadap dalil-dalil dan *qarīnahnya*. Justeru beliau menyenaraikan lima perkara yang perlu diteliti oleh para pengkaji.

Pertama, para pengkaji perlu menghimpunkan kesemua pandangan para ilmuwan *al-jarh wa al-ta‘dīl* berkenaan isu *samā'* perawi tersebut. Begitu juga para pengkaji perlu mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci mengenai biografi perawi sama ada berkaitan sejarah kembara ilmu, senarai guru-guru dan anak murid.

Kedua, Ḥatim al-‘Awnī mengatakan aspek *dimniy* perlu diteliti dalam penentuan status *samā'* seseorang perawi. Umar Muhammad Noor mendefinisikan *dimniy* sebagai penetapan secara tersirat berkenaan perawi.<sup>52</sup> Justeru hal ini dapat diaplikasi pada isu *samā'*. Sebagai contoh, sekiranya terdapat sanad kedua-dua perawi yang dikaji telah dinilai *sahih* oleh al-Bukhāri dan Muslim. Justeru hal ini membuktikan *samā'* telah berlaku.

Ketiga, penelitian terhadap peletakkan aspek sezaman (*al-mu‘āşarah*) yang mencukupi untuk mensabitkan *samā'*. Perkara ini dapat diketahui dengan melakukan kajian terhadap tahun lahir dan wafat kedua-dua perawi yang dikaji.

Keempat, para pengkaji perlu berusaha mengumpulkan sebanyak mungkin riwayat daripada kedua-dua perawi yang sedang dikaji. Perhatian yang sedalamnya perlu diberikan kepada lafaz-lafaz *tahammul* yang digunakan oleh perawi pada setiap sanad.<sup>53</sup> Oleh itu, antara kitab terpenting yang dapat digunakan sebagai rujukan ialah kitab-kitab *al-Atrāf*. Hal ini berikutan kitab tersebut mengkhususkan perbincangan mengenai *samā'* di kalangan para perawi.

---

<sup>52</sup> Umar Muhammad Noor. *Aliran Kritik Hadis Semasa*, 154.

<sup>53</sup> Rujuk rajah 1 pada muka surat 8 perbincangan mengenai bentuk-bentuk *tahammul*.

Kelima, para pengkaji perlu melihat kepada *qarā' in al-tarjīh* dalam mensabitkan *samā'*. Hal ini berikutan ada kemungkinan terdapat petunjuk-petunjuk yang membuktikan bahawa *samā'* telah berlaku. Senarai bagi *qarā' in* tersebut dapat dirujuk daripada jadual di bawah:

Jadual 4: Senarai *qarā' in al-tarjīh* dalam mensabitkan atau menafikan *samā'*


Bil.	<i>Qarīnah Pensabitan Samā'</i>
1.	<i>Tūl al-Mu'āṣarah</i>
2.	<i>'Adm Zikr al-Wasā'it</i>
3.	<i>Ittiḥād al-Balad / Qurb Balad al-Rāwīyayn</i>
4.	<i>'Adm al-Nakārah fi al-Hadīth</i>
5.	<i>Kathrah Ḥadīth al-Rāwī 'an al-Shaykh</i>
6.	<i>Quwwah al-Šilāh bayna al-Rāwī wa al-Shaykh</i>

(Ḥātim al-‘Awnī, 2018)


### Bentuk-bentuk *Qarīnah Pensabitan Samā'*

Merujuk kepada jadual di atas terdapat enam bentuk *qarīnah* secara keseluruhan yang telah dicadangkan oleh Ḥātim al-‘Awnī bagi menentukan *samā'* seseorang perawi.

*Qarīnah* pertama membicarakan mengenai tempoh hidup sezaman antara kedua-dua perawi. Sekiranya mereka berada dalam suatu tempoh sezaman yang panjang, maka hal ini menjadi petunjuk berlaku *samā'* antara mereka berdua. Manakala sekiranya kedua-dua perawi mempunyai tempoh sezaman yang pendek, ia menjadi petunjuk bahawa *samā'* tidak berlaku. Seumpama seseorang perawi yang hanya sempat bersama dengan guru ketika berumur kurang daripada tujuh tahun atau belum mencapai had umur *al-tamyīz*. Maka keadaan perawi tersebut disebut sebagai *mu'āṣarah zamanīyyah* dan bukannya *mu'āṣarah samā'īyyah* yang boleh dijustifikasi sebagai berlaku *samā'*. Begitu juga dengan kata lain, perawi tersebut hanya sekadar hidup sezaman dengan gurunya tetapi sebarang riwayat yang diterima tidak diambil kira kerana berstatus tidak mumayyiz.




*Qarīnah* kedua membahaskan mengenai perantara antara perawi dan guru tersebut. Jika perawi ditemui pernah menyebut perantara antara riwayat dia dan guru tersebut maka hal ini menjadi *qarīnah* kepada '*adam al-samā'*. Manakala sebaliknya sekiranya tidak pernah ditemui sedemikian, hal ini menjadi *qarīnah* berlaku *samā'* antara perawi dan guru tersebut. Sebagai contoh, dalam riwayat al-'Amash daripada Ibrāhīm al-Tamīmī terdapat perawi yang pernah disebut oleh beliau sebagai perantara bernama Ḥakim bin Jubayr tetapi telah digugurkan kerana dia seorang perawi yang *da'īf* seperti berikut:<sup>54</sup>



*Qarīnah* ketiga adalah *ittihād al-balad* atau *qurb balad al-rāwīyyayn* yang dapat diertikan sebagai pendudukan dalam satu wilayah yang sama ataupun dekatnya wilayah di antara dua orang perawi. Sekiranya kedua wilayah mereka jauh hal ini memberi petunjuk bahawa *samā'* tidak berlaku. Misalnya penentuan perawi bernama 'Abd Allāh berdasarkan wilayah tertentu seperti berikut:

<sup>54</sup> Al-Hakim al-Naysābūrī, *Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth*. (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2003), 342.



Bil.	Wilayah	Perawi
1.	Makkah	Ibn ‘Abbas
2.	Al-Madīnah	Ibn ‘Umar
3.	Al-Kūfah	Ibn Mas‘ūd
4.	Khurasān	Ibn al-Mubārak

Rujukan: (Atlas al-Waṭan al-‘Arabī, 2007)<sup>55</sup>

*Qarīnah* keempat adalah berkenaan konsistensi perawi dalam meriwayatkan hadith-hadith dengan tepat. Sekiranya perawi tersebut dikenali sebagai seorang yang konsisten dan kurang melakukan kesilapan, maka ini menjadi petunjuk kepada *samā'*.

*Qarīnah* kelima pula dengan melakukan penelitian kepada jumlah periyawatan hadith antara kedua-dua perawi. Sekiranya perawi tersebut dilihat sedikit riwayat daripada perawi berkenaan, maka hal ini menjadi petunjuk bahawa *samā'* tidak berlaku. Tambahan pula sekiranya salah seorang daripada kedua perawi ini dikenali dengan banyak periyawatan. Hal ini menjadi petunjuk bagi menafikan *samā'* bagi perawi tersebut.

*Qarīnah* keenam membicarakan berkenaan kekuatan hubungan atau ikatan antara anak murid dan guru. Situasi ini dapat diilustrasikan seperti hubungan anak dan ayah antara kedua-dua perawi. Sekiranya hubungan antara mereka rapat, hal ini menjadi petunjuk yang kuat bahawa proses *samā'* telah berlaku antara kedua-dua perawi. Demikian juga sebaliknya jika diketahui kedua-dua perawi tidak mempunyai hubungan secara langsung, maka ia menunjukkan kepada penafian *samā'*.

<sup>55</sup> Ibrāhīm Ḥilmī al-Ghawrī, *Atlas al-Waṭan al-‘Arabī wa al-Ālam*. (Beirut: Dār al-Sharq al-‘Arabī, 2008), 28.

Hasil penelitian terhadap keenam-enam bentuk *qarīnah* akan membantu para pengkaji dalam mensabitkan *samā'* terhadap perawi.

## KESIMPULAN

*Qarā'in al-tarjīh* merupakan perbahasan berkenaan petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif perkara tersebut. Perbahasan ini berkembang kepada bidang-bidang ilmu yang lain termasuklah ilmu hadith. Selain itu, aspek pensabitan *samā'* merupakan perbahasan yang sangat penting dalam menentukan berkenaan seseorang perawi itu mendengar hadith daripada gurunya atau tidak. Hal ini berkait dengan syarat sesebuah hadith itu dinilai *ṣaḥīḥ* kerana kebersambungan dan keterputusan sesebuah rantaian sanad akan memberi impak yang besar terhadap penilaian status sesebuah hadith. Justeru itu, dalam pensabitan *samā'* amat memerlukan kepada *qarā'in al-tarjīh* sebagai sebuah metode yang memandu para pengkaji hadith dalam menilai kebersambungan atau keterputusan sesebuah rantaian sanad.

Ḩātim al-'Awnī bersama karyanya *Muqarrar al-Takhrij wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Hadīth* telah membawa perbahasan ini secara terperinci sebagai sebuah panduan bagi pengkaji hadith dalam menentukan status sesebuah sanad sama ada bersambung atau terputus. Beliau memulakan perbahasan bagi subtopik ini berkenaan isu terputusnya sesebuah sanad disebabkan *tadlīs* yang dilakukan oleh para perawi hadith dan juga *al-saqt al-khafī* yang berlaku dalam rantaian sanad. Kemudian beliau membincangkan berkenaan lima kaedah pensabitan *samā'* yang boleh diikuti oleh para pengkaji hadith. Pertama, para pengkaji perlu menghimpunkan kesemua pandangan para ilmuwan *al-jarh wa al-ta'dil* berkenaan isu *samā'* perawi tersebut. Kedua, aspek *dimniy* juga memainkan peranan seperti praktikaliti yang dilakukan ke atas sebuah sanad yang telah dinilai *sahih* oleh al-Bukhāri dan Muslim, maka sudah cukup untuk merumuskan sanad tersebut bersambung. Ketiga, penelitian terhadap aspek sezaman di antara kedua-dua orang perawi sudah mencukupi untuk mensabitkan *samā'*. Keempat, penelitian terhadap berlaku *samā'* di antara guru dan anak murid sama ada secara pertemuan (*al-liqā'*) atau bentuk *tahammul al-hadīth*. Kelima, perlu dilihat kepada *qarā'in al-tarjīh* dalam mensabitkan *samā'*.

Berkenaan *qarā' in al-tarjīh*, kajian ini mendapati Ḥātim al-‘awnī menyenaraikan sebanyak enam *qarīnah* yang boleh membantu para pengkaji hadith dalam mensabitkan *samā'*. Pertama, penelitian terhadap tempoh hidup sezaman di antara kedua-dua perawi. Kedua, analisis terhadap kemungkinan wujud perawi yang menjadi perantara kepada seseorang perawi. Penelitian harus dilakukan dengan memeriksa sama ada perawi tersebut mendengar hadith daripada perawi perantara atau terus mendengar daripada guru kepada perawi perantara tersebut. Ketiga, lokaliti perawi-perawi sama ada mereka berada dalam satu kawasan atau berdekatan kawasan tersebut. Keempat, periwayatan oleh seseorang perawi haruslah tidak berlaku sebarang bentuk *nakārah* supaya pensabitan *samā'* dapat dipastikan. Kelima, penelitian perlu dilakukan kepada bilangan periwayatan yang diriwayatkan oleh seseorang perawi daripada gurunya. Keenam, mengenal pasti hubungan di antara kedua-dua orang perawi sama ada kuat atau tidak.

Kesimpulannya, berdasarkan lima kaedah pensabitan *samā'* yang dipamerkan oleh Ḥātim al-‘awnī membawa kepada keperluan terhadap perincian kaedah yang kelima iaitu penelitian kepada *qarā' in al-tarjīh*. Justifikasinya, beliau mendatangkan enam bentuk *qarā' in al-tarjīh* bagi mensabitkan *samā'* dalam kalangan perawi dalam sesbuah rantaian sanad. Justifikasinya, kajian ini mencadangkan sebuah kajian lanjutan terhadap usaha ini dalam mengenal pasti metode *qarā' in al-tarjīh* oleh para ulama kontemporari yang berlainan aliran dengan Ḥātim al-‘awnī agar kepelbagaiannya pendapat dapat dikenal pasti. Selain itu, sebuah kajian aplikasi *qarā' in al-tarjīh* dalam kalangan ulama terdahulu terutamanya para pengkritik hadith *mutaqaddimīn* dapat dilakukan bagi mengetahui praktikaliti perbahasan ini ketika zaman periwayatan hadith bersanad masih berjalan.

## RUJUKAN

- "Al-Sīrah Al-Dhātiyyah." Mawqi' al-Shaykh I. D. al-Sharīf Ḥātim bin ‘Ārif al-Awnī, diakses pada 26 November 2023, <https://www.dr-alawni.com/about.php?show=biography>.
- "Asmā' Ba'd Man Ajāzānī min Al-Shuyūkh Murattabīn 'alā Hurūf Al-Mu'jam." diakses pada 27 November 2023,

- [https://archive.org/details/amrabdelaziz1184\\_gmail\\_201812/page/n7/mode/1up](https://archive.org/details/amrabdelaziz1184_gmail_201812/page/n7/mode/1up).
- "Kutub Al-Shaykh." Mawqi' al-Shaykh I. D. al-Sharīf Ḥātim bin 'Ārif al-Awnī, diakses pada 26 November 2023, <https://www.dr-alawni.com/books.php>.
- "Qarāin." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>.
- 'Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal wa Qarāin Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.
- Abd Aziz, and D. P. Terza Travelancya. "Al-Tahammul wa Al-Adā' dalam Periwayatan Hadīth." *BAHTSUNA: Jurnal Penelitian Pendidikan Islam* 3, no. 2 (09/09 2021): 185-99. <https://doi.org/10.55210/bahtsuna.v3i2.64>. <https://lp3mzh.id/index.php/bahtsuna/article/view/64>.
- Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin wa Atharuhā fi 'Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islāmiyyah, 2012.
- Aḥmad Mukhtār 'Umar. *Mu'jam Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'āṣirah* Kaherah: 'Ālam al-Kutub, 2008.
- Al-'Irāqī. *Alfiyah Al-'Irāqī Al-Tabṣirah wa Al-Tadhkīrah fī 'Ulūm Al-Hadīth*, ed. 'Abd al-Karīm al-Khuḍayr. Al-Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2007.
- Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh wa Al-Ta'dīl Al-Muta'āridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihī Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.
- Al-Hakim al-Naysābūrī. *Ma'Rifah 'Ulūm Al-Hadīth*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2003.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. *Al-Kifāyah fi 'Ilm Al-Riwa'yah*. Madinah: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1979.
- Al-Nawāwī. *Al-Taqrīb wa Al-Taysīr*, ed. Muḥammad 'Uthmān al-Khasht. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1985.
- Al-Qādī 'Iyād. *Al-Ilmā' ilā Ma'rifah Uṣūl Al-Riwa'yah Wa Taqyīd Al-Samā'*. ed. Al-Sayyid Aḥmad Şaqr. Kaherah: Dār al-Turāth, 1970.
- Al-Qurtubī. *Al-Jāmi' li Ahkām Al-Qur'ān*. ed. Abdulllah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

- Al-Sakhāwī. *Fath Al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyah Al-Hadīth*, ed. ‘Alī Husayn ‘Alī. Mesir: Maktabah Al-Sunnah, 2003.
- Al-Suyūṭī. *Tadrīb Al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawāwī*. ed. Muḥammad ‘Awwāmah. Jeddah: Dār Al-Minhāj, 2016.
- Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. ed. ‘Adnān Darwisy. Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009.
- Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Al-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023.
- Fārūq Ḥamādah. *Tatāwwur Dirāsāt Al-Sunnah Al-Nabawiyah: Nahdatuhā Al-Mu’āṣirah Wa Āfāquha, Madkhal Li Dirāsāt Al-Sunnah Al-Nabawiyah* Damsyik: Dār al-Qalam, 2007.
- Hanān Qamārī. "Ta’ārud Qarāin Al-Tarjih wa Dawābit Daf’ihā ‘inda Al-Imām Ibn Abi Ḥātim min Khilāli Kitābihi Al-‘Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.
- Ḥātim al-Awnī. *Muqarrar Al-Takhrīj wa Manhaj Al-Hukm ‘alā Al-Hadīth* Beirut: Markaz Namā’ li al-Buhūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- Ibn al-Ṣalāḥ. *Muqaddimah Ibn Al-Ṣalāḥ – Ma’rifah Anwā’ Ulūm Al-Hadīth*, ed. Nūr al-Dīn ‘Itr. Damsyiq: Dār al-Fikr, 1986.
- Ibn Fāris. *Mu’jam Māqayis Al-Lughah*. ed. Abdul Salam Harun. Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.
- Ibrāhīm ‘Abd Allāh al-Lāhīm. *Al-Ittiṣāl wa Al-Inqīṭā’* Al-Riyād: Maktabah al-Rushd, 2005.
- Ibrāhīm Ḥilmī al-Ghawrī. *Aṭlas Al-Waṭān Al-‘Arabī wa Al-‘Alam*. Beirut: Dār al-Sharq al-‘Arabī, 2007.
- Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah wa Sihāh Al-‘Arabiyyah*. ed. Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-‘Ilm, 1987.
- M. Khoirul Huda, and Muhammad Reza Fadil. "Rasionalisasi Kritik Hadis Klasik: Kontribusi Syarif Ḥātim Al-‘Aunī Dalam Kajian Hadis Kontemporer." *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis* 6, no. 1 (2023): 119-44.  
<https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/bukhari/article/view/6175>.
- Mahmūd Sa’īd Mamdūh. *Al-Ittijāhāt Al-Hadīhiyyah Fi Al-Qarn Al-Rābī’ Ashar*. Kaherah: Dār al-Baṣā’ir, 2009.
- Majdi ‘Atiyyah. *Al-Ilmā’ fi Itbāth Al-Samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005.

- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I'lālihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021).
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Naurah Didān. "Qarāin Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzi 'Inda Al-Ikhtilāf bi Ziyādah Rāwi au Isqātihi min Al-Isnād min Khilāli Kitābihi Tahdhīb Al-Kamāl: Dirāsa Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim.
- Sāmir al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin fī Al-Tarjīh bi Al-Jazm bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).
- Umar Muhammad Noor. *Aliran Kritik Hadis Semasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022.